

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

belajar Dengan TikTok

¹Wan Mardiana Wan Musa

²Nur Dalila Adenan

²Nur Shafini Mohd Said

²Siti Rapidah Omar Ali

²Suhaily Maizan Abdul Manaf

Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Terengganu¹

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu²

Dua tahun yang lalu saya pernah *install TikTok* dan tidak sampai dua minggu saya *uninstall* semula. Saya takut. Saya tak sanggup berada dalam komuniti *TikTok*. *TikTok* pada saya tempat orang gelek-gelek, tempat maksiat! Tak ada ilmu yang boleh didapati daripada *TikTok*. *TikTok* merupakan trauma kedua selepas fenomena “*dak-dak WeChat*”.



Photo by:
antonbe
from Pixabay



Pun begitu, tahun ini saya nampak perubahan pada pengisian *TikTok*. *TikTok* bukan sekadar tempat untuk bergelek. Saya beranikan diri dan *install TikTok* kembali. Kali ini saya memandang *TikTok* dari sudut pandang yang berbeza. *TikTok*, sebagaimana media sosial yang lain merupakan medan ekspresi diri seseorang di alam maya. Kita yang menggunakan media sosial haruslah tahu apa yang kita sendiri cari.

Saya mulai mencari pengisian-pengisian yang bermanfaat. Di *TikTok*, saya berjumpa Sir Daniel dan Miss Pahlavi yang mengajar sebutan Bahasa Inggeris yang betul secara santai dan bersahaja. Saya juga mengikuti Sir Asai, seorang guru Bahasa Inggeris di sebuah sekolah menengah di Kelantan yang selalu memuat naik video *English Pronunciation Challenge* yang dilakukan bersama-sama pelajar beliau dengan cara yang menghiburkan!

Saya juga mengenali Zuraida Shahime yang banyak berkongsi tips keibubapaan secara santai, Ustaz Nik Affenddy (UNA) yang berkongsi tips rumahtangga, dan ramai lagi! Malah, mudah sahaja mahu mencari informasi, cuma tekan butang cari, anda boleh taip '*parenting*', '*motivasi*' dan sebagainya dan anda akan dapati pelbagai pengisian dikongsikan. Secara percuma! Ya, percuma!

Baru-baru ini, saya mendaftar ke kelas profesional media sosial *TikTok*. Kelas berbayar, ya! Melalui kelas tersebut, saya belajar dan bergaul dengan komuniti baru yang mengajar selok-belok dunia media sosial *TikTok*. *TikTok* berbeza dengan *Instagram* dan *Facebook*. Ini berkemungkinan besar kerana *TikTok* tidak berada di bawah pengurusan Mark Zuckerberg. Komuniti yang saya kenali ini mengetengahkan kepentingan mewujudkan '*content*' atau pengisian ke dalam *TikTok*. Melalui sifu-sifu media sosial ini, saya kenali algorithm *TikTok*, *Instagram*, dan *Facebook*.

Apa yang saya belajar, jika seseorang itu sudah mencipta nama di *Instagram*

mahupun *Facebook*, belum tentu boleh bersaing dalam dunia *TikTok*. Komuniti *TikTok* tidak memandang rupa atau nama seseorang, tetapi pengisian yang dibawa.

Selain itu, *TikTok* merupakan tempat seseorang membina *personal branding* dan bukannya tempat menjual beli. Jika anda mahu menjual seperti di *Facebook* page, *TikTok* bukanlah tempat anda.

TikTok menjadi *trending* kerana memenuhi keperluan orang muda zaman kini dengan info yang padat melalui SSV atau *Super Short Video*. Seperti yang kita sedia maklum, graf membaca di kalangan generasi sekarang semakin menurun. Generasi muda zaman sekarang lebih tertarik mendapatkan ilmu dengan menonton SSV. Kebanyakan video di *TikTok* berdurasi 15 saat ke 60 saat sahaja. Malah, menurut Khairul Nazli, CEO *Seed4Future* yang memberikan kursus-kursus berkenaan *TikTok*, video terbaik untuk dikongsikan adalah berdurasi dalam lingkungan 10-40 saat. Malah, pengisian video di *TikTok* tidak perlu berjela-jela, tidak perlu memperkenalkan diri mahupun berbasabasi. Teruskan sahaja dengan memberikan tips atau menyampaikan perkara penting yang ingin disampaikan tanpa perlu membuang masa. Ini kerana audience *TikTok* pentingkan kepadatan informasi yang ingin disampaikan.

Selain itu, jika anda pakar edit video, *TikTok* sesuai untuk anda. *TikTok* merupakan tempat sesuai untuk anda mengetengahkan bakat terpendam melalui perkongsian video. Jangan terkejut jika anda dapati anak bujang anda senyap di rumah tetapi popular di *TikTok*. Paling jangan terkejut adalah jika seorang ibu berpurdah merupakan personaliti *TikTok* berpengaruh! *TikTok* seumpama kedai serbaneka; macam-macam ada yang anda tak sangka-sangka!

Jika anda belum mempunyai akaun *TikTok*, mulakan sekarang, jangan tangguh lagi!

• • •



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811